

PENDIDIKAN KESENIAN

SEKOLAH KEBANGSAAN

TAHUN

1

PENDIDIKAN KESENIAN TAHUN 1 SK



RM6.00
ISBN 978-983-49-1216-1

9 789834 912161
BT191002



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

PENDIDIKAN KESENIAN

TAHUN 1

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

Zaiton binti Mohamad
Lee Chai Huat
Zamri bin Mohd. Noor
Muharni binti Mustafar

EDITOR

Ana Suhana binti Zainuddin
Nada Haifaa binti Remlle

PEREKA BENTUK

Wan Mohamad Hakimzubillah
bin Wan Hassan


ILUSTRATOR

Eddie Alwin bin Erwan Affendi



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2016





**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

No. Siri Buku: 0129

KK 372-221-0102011-49-1216-20101
ISBN 978-983-49-1216-1

Cetakan Pertama 2016
©Kementerian Pendidikan Malaysia 2016

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.

No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)

No. Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Kssr
Saiz Muka Taip Teks: 18 poin

Dicetak oleh:
Cetakrapi Sdn. Bhd.,
No. 22, Jalan Sri Ehsan Satu,
Taman Sri Ehsan,
52100 Kepong, Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penambahbaikan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Prof Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Istana Budaya, Kuala Lumpur
- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kuala Lumpur

Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Kandungan

Pendahuluan	iv
Bahasa Seni Visual	1
Projek Penggal 1	2
Unit 1 Seni Bermula di Sini	4
Unit 2 Jari Menari, Warna Berseri	10
Unit 3 La La La Bonekaku Bernyanyi	16
Unit 4 Cantik Batik	24
Unit 5 Tik Tok Tik, Lukis di Udara	32
Unit 6 Satu, Dua, Tiga, Dayung!	40
Projek Penggal 2	48
Unit 7 Detektif Jalinan Menyiasat	50
Unit 8 Lari Sang Tikus, Lari!	58
Unit 9 Serupa Tapi Tidak Sama	66
Unit 10 Renjis, Percik, Ikut Irama	74
Unit 11 Hias Diri, Ikut Menari	82
Glosari	89



Pendahuluan

Buku Teks *Pendidikan Kesenian Tahun 1 Sekolah Kebangsaan* kegunaan mulai tahun 2017 masih meneruskan transformasi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah dimulakan pada tahun 2011. Melalui kurikulum standard tersebut, Standard Kurikulum Pendidikan Kesenian Sekolah Rendah telah digubal dengan memberikan penekanan kepada pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan berkeupayaan dilaksanakan oleh murid.

Standard yang dipersembahkan dalam bentuk modul ini mengandungi elemen pengetahuan kesenian, kemahiran kesenian, elemen merentas kurikulum, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan kemahiran abad ke-21. Kesemua elemen ini perlu dikuasai oleh murid Tahun 1 sekolah kebangsaan dalam meningkatkan kebolehan penguasaan kemahiran kesenian mereka selain memantapkan pemahaman konsep seni yang betul dan berkesan dalam memahami estetika seni dan budaya dalam masyarakat.

Buku Teks *Pendidikan Kesenian Tahun 1 Sekolah Kebangsaan* mengandungi 11 unit yang diagihkan ke dalam dua penggal iaitu enam unit dalam penggal satu dan lima unit dalam penggal dua. Setiap penggal dirancang berdasarkan tema:

Tema 1 - Aku dan Seni

Tema 2 - Seni di Sekelilingku

Pada akhir setiap penggal, murid-murid berpeluang untuk membuat satu persembahan bagi mempamerkan kemahiran kesenian yang telah dicapai. Dalam setiap penggal pula mengandungi beberapa unit kecil yang berpandukan konsep kesenian yang dipetik melalui Dokumen Standard Pendidikan Kesenian Tahun 1 di bawah empat modul utama kurikulum, iaitu:

- Modul Bahasa Seni
- Modul Kemahiran Seni
- Modul Kreativiti dan Inovasi
- Modul Apresiasi Seni
- Projek Kesenian

Setiap konsep kesenian itu pula diperjelas secara amali dengan aktiviti yang pelbagai agar murid faham dan memperoleh pengalaman. Oleh hal yang demikian, buku ini dipersembahkan dan disusun secara sistematik bermula dengan:

Pengenalan Projek Penggal Satu

- (i) Unit 1 - Seni Bermula di Sini
- (ii) Unit 2 - Jari Menari, Warna Berseri
- (iii) Unit 3 - La La La Bonekaku Bernyanyi
- (iv) Unit 4 - Cantik Batik
- (v) Unit 5 - Tik Tok Tik, Lukis di Udara
- (vi) Unit 6 - Satu, Dua, Tiga, Dayung!

Persembahan: Tema Aku dan Seni


Pengenalan Projek Penggal Dua

- (vii) Unit 7 - Detektif Jalinan Menyiasat
- (viii) Unit 8 - Lari Sang Tikus, Lari!
- (ix) Unit 9 - Serupa Tapi Tidak Sama
- (x) Unit 10 - Renjis, Percik, Ikut Irama
- (xi) Unit 11 - Hias Diri, Ikut Menari

Persembahan: Tema Seni di Sekelilingku

Buku teks ini juga dilengkapi dengan DVD audio yang memuatkan lagu, bicara berirama, muzik instrumental, minus one, latihan pic, dan latihan alat perkusi. Bahan audio tersebut digunakan bagi membolehkan murid mencapai hasil pembelajaran dengan lebih baik. Selain itu, semua aktiviti disusun mengikut tahap perkembangan kognitif murid dan mengikut proses dari peringkat yang mudah kepada susah, dari yang dekat kepada jauh serta mengandungi unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Bagi mengukuhkan penghayatan murid dalam kemahiran kesenian serta memahami estetika seni dan budaya dalam masyarakat, elemen merentas kurikulum seperti kreativiti dan inovasi, keusahawanan, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan elemen abad ke-21 turut menjadi unsur penting dalam penstrukturan dan pembentukan komponen buku teks *Pendidikan Kesenian Tahun 1 Sekolah Kebangsaan* ini.



Maklumat dalam Buku Teks

Nota Guru - Cadangan aktiviti dan maklumat tambahan yang disediakan sebagai panduan kepada guru untuk membimbing murid melaksanakan sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran.



NOTA GURU

- Sediakan pelbagai lakaran batik dan edarkan kepada murid.
- Bimbing murid membancuh warna dan mewarnakan motif batik.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya masing-masing.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Menilai

Abad ke-21: Patriotik

Nombor SP

Audio 80 : Vokal *Lenggang Inang*

Audio 81 : Instrumental
Lenggang Inang

Audio 82 : Minus one
Lenggang Inang

Lagu dan latihan yang disediakan dalam DVD audio bagi membantu guru dan murid menjalankan aktiviti muzikal.



Tip-tip kebersihan dan keselamatan.



Maklumat tambahan atau maklumat baharu.




Halaman Seni Muzik

Soalan KBAT untuk merangsang pemikiran murid.



Halaman Seni Visual

Zaiton binti Mohamad
Lee Chai Huat
Zamri bin Mohd. Noor
Muharni binti Mustafar



Bahasa Seni Visual

Bahasa Seni Visual

Unsur Seni



rupa



bentuk




jalanan



warna



ruang




garisan

Prinsip Rekaan



imbangan



ritma dan pergerakan




kepelbagaian



kesatuan



penegasan



kontra



harmonisasi

Gunakan lagu Bahasa Seni Visual untuk memperkenalkan bahasa seni visual kepada murid.

Projek Kesenian Penggal Satu

Pada akhir penggal satu, kamu akan menghasilkan projek kesenian dengan rakan-rakan di dalam kelas. Kamu boleh merancang persembahan bersama-sama dengan guru dan rakan-rakan. Tentu seronok, bukan? Apakah jenis persembahan yang boleh kamu lakukan?



pergerakan berirama



ensembel perkusi



koir/bicara berirama



sketsa muzikal



nyanyian solo

Apakah yang perlu kamu lakukan sebelum, semasa dan selepas persembahan?

A

Sebelum Persembahan

1. Bentukkan kumpulan.
2. Pilih satu lagu daripada Unit 1 hingga 6 untuk setiap kumpulan.
3. Pilih prop yang sesuai dengan lagu yang telah dipilih.
4. Buat jadual latihan.
5. Sediakan audio yang diperlukan.
6. Sediakan prop, kostum, dan alat muzik.
7. Buat senarai semak.
8. Sediakan atur cara.
9. Sediakan tempat persembahan.
10. Pastikan tempat persembahan sentiasa bersih dan teratur.



B

Semasa Persembahan

1. Tepati masa.
2. Bersedia 15 minit sebelum persembahan.
3. Pastikan semua prop berada di pentas.
4. Pastikan bertatasusila semasa masuk dan keluar pentas.



C

Selepas Persembahan

1. Simpan semua prop, kostum, dan alat muzik di tempatnya.
2. Pastikan tempat persembahan sentiasa bersih dan teratur.
3. Buat laporan bergambar. Contohnya, folio.





UNIT 1

Seni Bermula di Sini

Audio 1 : Vokal *Salam Sejahtera*
 Audio 2 : Instrumental *Salam Sejahtera*
 Audio 3 : Minus one *Salam Sejahtera*

Pic – Tinggi dan Rendah

Mari bernyanyi bersama-sama.

Salam Sejahtera

Lagu dan lirik: Lee Chai Huat

Salam sejahtera kami ucapkan
Kepada guru dan kawan-kawan



Cari benda di sekeliling kamu.
Dengar dan bezakan pic yang dihasilkan.



Apakah benda yang dapat menghasilkan pic yang tinggi dan pic yang rendah?

NOTA GURU



1.2.1

- Galakkan murid untuk menggantikan perkataan salam sejahtera dengan perkataan yang lain seperti selamat pagi, selamat petang, dan terima kasih.
- Galakkan murid meneroka pic melalui pelbagai objek di sekeliling.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar

: Mengaplikasi

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

Tempo – Cepat dan Lambat

Dengar dan tepuk detik lagu ini.
Kemudian, nyanyikannya mengikut tempo.

Audio 4: Tempo lambat
Audio 5: Tempo cepat
Audio 6: Vokal *Ca Ca Capan*
Audio 7: Instrumental *Ca Ca Capan*
Audio 8: Minus one *Ca Ca Capan*



Ca Ca Capan

Lagu dan lirik: Lee Chai Huat

Satu dua tiga empat
Sapu jari dengan cat
Lima enam tujuh lapan
Guna jari untuk capan
Ca ca ca pan pan pan
Ca ca ca pan pan pan
Satu dua tiga empat
Lima enam tujuh lapan
Capan



NOTA GURU

- Minta murid melakukan pergerakan asas seperti berjalan atau berlari mengikut tempo lagu yang didengar.
- Bimbing murid menepuk tangan pada suku kata berwarna merah mengikut Audio 4 dan 5.


EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Mengaplikasi

Abad ke-21: Bermaklumat




Capan



Mari lihat karya capan ini. Apakah bahan yang digunakan untuk menghasilkan karya capan ini?

Cap... Cap... Capan

Capan ialah teknik mengecap dengan menggunakan objek yang tidak diolah. Misalnya, tangan, daun, dan botol.



Hasil capan yang kamu lihat ialah rupa. Rupa yang terdapat dalam gambar ialah tapak tangan, bunga, dan daun.

NOTA GURU


1.1.1(ii)
2.1.1(ii)

- Terangkan kepelbagaian rupa kepada murid.
- Bincangkan bahasa seni visual yang terdapat dalam karya di atas dengan murid.
- Tunjukkan bahan-bahan lain yang boleh dijadikan sebagai bahan capan kepada murid.
- Bimbing murid meneroka bahan capan.

EMK: Menghargai Alam Sekitar

 : Mengaplikasi

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu



Gajah Menari

Mari hasilkan gambar gajah dengan kaedah capan.

Alat dan Bahan



kertas lukisan



cat air



palet



berus



pensel



1
Bancuh cat air.



2
Sapu cat air pada tangan.



3
Cap pada kertas lukisan.

Jaga kebersihan pakaian dan tempat sekeliling ketika melakukan aktiviti.





4



Sapu warna lain pada ibu jari. Cap bagi membentuk telinga gajah.

6



Buat kemasan. Pamerkan.

5



Lukis mata, telinga, gading, dan ekor menjadi gambar gajah.



Ceritakan pengalaman kamu membuat capan.

Apakah perbezaan yang dapat kamu lihat pada kedua-dua gambar ini?



NOTA GURU

3.1.1

- Bimbing murid menghasilkan pelbagai jenis capan haiwan.
- Perengarkan lagu *Ca Ca Capan* semasa aktiviti ini dijalankan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Pemikir



UNIT 2

Jari Menari, Warna Berseri

Audio 9: Latihan pic
 Audio 10: Vokal *Bilang Jariku*
 Audio 11: Instrumental *Bilang Jariku*
 Audio 12: Minus one *Bilang Jariku*

Pic – Tinggi dan Rendah

Buat latihan pic sambil membuat pergerakan seperti gambar di bawah.



Nyanyikan lagu *Bilang Jariku* dengan pic yang betul.

Bilang Jariku

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Ku ada lima jari di tangan kanan
 Ku ada lima jari di tangan kiri
 Satu dua tiga empat dan lima
 Lima jari bergerak menari-nari

Sepuluh jariku melambai-lambai
 Ke kanan dan ke kiri tepuk sekali
 Renjis renjis tinggi tinggi ke awan
 Sepuluh jariku cantik menawan



NOTA GURU

2.2.2

• Minta murid menyanyikan lagu ini sambil membuat pergerakan jari mengikut lirik lagu (fingerplay).

EMK: Nilai murni



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

Sebutan - Betul dan Jelas

Baling dadu dan sebut perkataan.

Audio 13 : Vokal *Negaraku*
Audio 14 : Instrumental *Negaraku*



takhta...
takhta...
takhta...




negaraku
tanah
tumpah
darah
rakyat
bersatu
kurnia
selamat
bertakhta
rahmat



Nyanyikan *Negaraku* dengan sebutan yang betul.

Berdiri tegak semasa
menyanyikan *Negaraku*.



Negaraku

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
Bersatu dan maju
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta
Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita selamat bertakhta

NOTA GURU

2.2.1

- Pastikan murid berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku*.
- Galakkan murid menyanyikan lagu negeri dan lagu sekolah dengan sebutan yang betul dan jelas.
- Pastikan murid menyebut perkataan berulang-ulang kali dengan betul dan jelas.

EMK: Patriotisme



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Berprinsip



Ikatan dan Celupan

Warna merah, biru, dan kuning ialah warna primer.



Perbezaan warna dalam karya disebut kontra warna.



Baju saya berwarna-warni.



Bekas pensel saya cantik.

Sekarang, mari kita lihat cara karya ikatan dan celupan dihasilkan.

Ikut dan celupkan tisu ke dalam warna.



Apakah fungsi gelang getah ini?

Sekarang, mari kita lihat cara ikutan dan corak yang akan terhasil.



NOTA GURU

1.1.2 (i)
2.1.2 (ii)

- Tunjukkan kesan ikutan yang akan menghasilkan corak kepada murid.
- Bincangkan bahasa seni visual lain yang ada pada ikutan dan celupan dengan murid.
- Bimbing murid meneroka pelbagai jenis ikutan dan celupan dan lihat hasilnya.

EMK:Keusahawanan


 : Mengaplikasi

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu

Songkok Pelangi

A. Membuat Corak dengan Cara Ikatan dan Celupan

Alat dan Bahan



1 Lipat dan ikat kertas tisu dengan gelang getah.



Bancuh cat air.

2



3 Celup ikatan tisu ke dalam cat air.



Ulang langkah 3 dengan warna lain.

4



5 Potong ikatan. Buka dan keringkan tisu.



Hasil ikatan dan celupan.

6





B. Membuat Songkok Pelangi



1

Guntingkan hasil corak kepada dua bahagian.



2

Tampalkan hasil corak pada kad manila.



3

Guntingkan lebihan kad manila.



4

Cantumkan kedua-dua hujung kad manila.



5

Lipat dan tekan kad manila.



6

Tambahkan hiasan pada songkok.



Ceritakan kegunaan karya kamu dalam persembahan.



3.1.1
4.1.1

NOTA GURU

- Bimbing murid menghasilkan corak dan rekaan lain.
- Bimbing murid membuat kemasian pada songkok.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mencipta

Abad ke-21: Patriotik

15



UNIT 3



La La La Bonekaku Bernyanyi

- Audio 15: Bunyi gajah menderum
- Audio 16: Bunyi harimau mengaum
- Audio 17: Bunyi ular mendesir
- Audio 18: Bunyi beruang menderam
- Audio 19: Bunyi burung berkicau
- Audio 20: Bunyi tikus berdecit
- Audio 21: Bunyi lebah mendengung
- Audio 22: Bunyi kuda meringkik

Dinamik – Kuat dan Lembut

Ada macam-macam jenis bunyi di sekeliling kamu. Ada yang kuat dan ada yang lembut. Bunyi kuat dan lembut ini dinamakan dinamik.

Dengar bunyi audio. Adakah bunyi itu kuat atau lembut? Tunjukkan kad dinamik yang sesuai.





Permainan Dekatiku

Mari main permainan ini. Teliti bunyi yang didengar. Bunyi yang manakah yang paling kuat?


Alatan



kain penutup mata



senduk kayu



kotak minuman



beg kertas



NOTA GURU

1.2.2

- Ajuk bunyi dalam gambar rajah mengikut kad dinamik yang ditunjukkan.
- Untuk permainan Dekatiku, setiap murid duduk dalam bulatan mengikut kumpulan alat yang diterima oleh murid. Setiap murid diberi kad dinamik. Murid akan membunyikan alat mereka secara serentak mengikut kad dinamik. Murid yang matanya ditutup akan mendengar dan mengecam kumpulan alat yang menghasilkan bunyi yang paling kuat.
- Galakkan murid menghasilkan dinamik yang berbeza di atas permukaan yang berlainan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Sepasukan

17

Nyanyian – Dinamik

Nyanyikan lagu *Aku Mimpi* mengikut Audio 24 dengan dinamik yang ditetapkan.

Audio 23: Vokal *Aku Mimpi*
Audio 24: Vokal *Aku Mimpi* dengan dinamik
Audio 25: Instrumental *Aku Mimpi*
Audio 26: Minus one *Aku Mimpi*

Aku Mimpi

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

- Lenggang-lenggok sana sini
- Jalan-jalan riang hati
- Tiba-tiba kuterkejut
- Beruang besar depan mataku
- Aku menjerit terus berlari
- Tolong! Tolong!
- Beruang besar mengejarku
- Badan digegar aku tersedar
- Peluh di dahi aku bermimpi



Permainan Susun Kad Dinamik

Wah, kamu telah dapat membezakan dinamik kuat dan lembut! Sekarang, bolehkah kamu membuat suara kuat dan lembut? Sebut **la** mengikut kad dinamik di bawah.



NOTA GURU

1.2.2

- Galakkan murid menukar perkataan “beruang” kepada haiwan yang lain mengikut suku kata yang sesuai.
- Bimbing murid meletakkan kad dinamik pada lirik lagu sebagai ciptaan mereka. Nyanyikan semula lagu mengikut dinamik yang telah dicipta.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Sepasukan

Boneka

Saya dan kawan-kawan akan bercerita tentang diri kami.



Hai, saya Kiki. Bentuk saya kubus.



Krok... krok... Saya Kroki. Saya berwarna hijau.



Saya Bubu Antu. Badan saya diperbuat daripada beg kertas.



Hai, nama saya Cik Sen. Pernahkah kamu melihat bentuk seperti saya?



Saya Cik Kin. Lihat badan saya yang berwarna-warni. Cantik, bukan?



Siapakah Pasangan Saya?

Bolehkah kamu teka boneka ini dan bahan asalnya?



Mari membuat boneka tongkat.



1 Lukis ekspresi wajah pada pinggan kertas.



Hai, siapakah nama kamu?

Nama saya Nana Comel.

2 Lekatkan pinggan kertas pada pembaris kamu.



NOTA GURU

1.1.3(i)
2.1.3(i)


- Bincangkan bahasa seni visual lain yang terdapat pada boneka dengan murid.
- Tunjukkan bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan boneka kepada murid.
- Minta murid meneroka bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan boneka.
- Terangkan kepelbagaian bentuk kepada murid.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Mengaplikasi

Abad ke-21: Penyanggah, Prihatin

21



Beruang Comel

Mari membuat boneka beruang bersama-sama.



1 Lukis bahagian-bahagian boneka pada kertas dan bod busa.



2 Guntingkan bahagian-bahagian yang dilukis.



Kamu telah berjaya menghasilkan boneka beruang comel. Ceritakan karya yang telah kamu hasilkan.



7 Cantumkan kepala beruang pada cawan kertas.

Alat dan Bahan



gunting



kertas lukisan



bod busa



pensel



mata



cawan kertas



bahagian belakang bod busa

3 Guntingkan bod busa yang dilukis.



bahagian depan bod busa

4 Cantumkan bahagian kaki pada cawan kertas.



6 Lekatkan mata, telinga, hidung, dan mulut pada bahagian kepala beruang.



5 Cantumkan bahagian tangan pada cawan kertas.

NOTA GURU

3.1.1
4.1.1

- Bimbing murid semasa membina boneka.
- Bimbing murid mempelbagaikan ekspresi muka boneka.
- Gunakan boneka ini semasa menyanyikan lagu *Aku Mimpi*.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Menilai, Mencipta

Abad ke-21: Pemikir

Bunyi – Pelbagai Bunyi

Dengar bunyi alat perkusi ini. Kemudian, ajuk.



Adakah bunyi yang kamu ajuk sama dengan rakan-rakan kamu?

Sekarang, cuba kamu hasilkan bunyi perkusi badan mengikut detik.



Mainkan corak irama ini mengikut muzik *Kitaran Perkusi*.



Permainan Detik Jam

Dengar dan tepuk detik mengikut Audio 28. Pilih satu perkusi badan. Kemudian, bunyikan perkusi badan mengikut giliran.



NOTA GURU

3.2.1


- Guru digalakkan untuk memperkenalkan dan menggunakan metronom kepada murid.
- Pastikan aktiviti dilakukan mengikut tempo yang sesuai.
- Pilih satu perkusi badan. Kemudian, mainkan perkusi badan secara bergilir-gilir mengikut arah pusingan jam. Mulakan dengan murid yang berada pada kedudukan pukul 1.00.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Sepasukan





Audio 29: Suara memanggil
Audio 30: Suara bercakap
Audio 31: Suara berbisik
Audio 32: Suara budak lelaki
Audio 33: Suara budak perempuan
Audio 34: Suara menjerit


Warna Ton Suara

Manusia mempunyai pelbagai jenis ton suara. Ton suara yang berbeza-beza ini dinamakan warna ton. Dengar dan camkan warna ton suara ini.



Mainkan alat perkusi di bawah.
Apakah warna ton yang dihasilkan?





Audio 35: Pertuturan berirama *Suaraku*
Audio 36: Muzik iringan pertuturan berirama *Suaraku*

Baca lirik lagu *Suaraku* dengan pertuturan berirama. Gunakan ton suara yang betul.

Suaraku

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Suaraku suaraku pelbagai ragam
Dengarkan bezakan jenis suaraku

Mari sini Aqil

Mari sini Aqil

Suara memanggil

Shhhh... jangan bising

Shhhh... jangan bising

Suara berbisik

Lihat burung di tingkap

Lihat burung di tingkap

Suara bercakap

Aduh! Aduh! Sakit! Aduh! Aduh! Sakit!

Suara menjerit

Tra la la tra li li tra la la tra li li

Suara bernyanyi

Tra la la tra li li tra la la tra li li

Suara bernyanyi

Suaraku suaraku pelbagai ragam
Cubalah cubalah dengan suaramu

NOTA GURU

1.2.3

- Dalam aktiviti mengajuk suara, terangkan warna ton suara dengan betul.
- Bersoal jawab tentang suara yang dihasilkan oleh murid.
- Galakkan murid meneroka warna ton suara yang lain. Contohnya, suara halus, suara nyaring, suara nasal, dan suara lembut.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Menilai

Abad ke-21: Berprinsip



Batik

Wah, cantiknya selendang ibu!

Inilah batik cap.




Ya, ini batik lukis.

Baju ayah pun batik, bukan?



Wah, banyaknya rupa bunga dan daun pada batik ini!

Semua rupa ini adalah dalam tema yang sama dan dinamakan kesatuan.





Antara jenis batik di Malaysia termasuklah batik blok dan batik lukis.


Ada banyak jenis motif batik. Antaranya termasuklah...




motif bunga



motif rama-rama



batik lukis



batik blok



motif pucuk rebung



motif bunga belah lapang



motif bunga bebaling

NOTA GURU

1.1.4 (i)
2.1.4 (i)


- Bincangkan bahasa seni visual yang ada pada batik dengan murid.
- Sediakan lakaran motif batik, misalnya motif pucuk rebung.
- Bimbing murid mewarnakan lakaran motif batik.

EMK: Patriotisme



: Menganalisis

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu



Batik Cantik

Mari hasilkan hiasan batik.

Alat dan Bahan



cat air



palet




3 Banchuh cat air.



1 Cantumkan garisan putus-putus.



2 Lukis semula dengan krayon.



kertas lukisan



berus lukisan



pensel



bekas air



krayon



4 Warnakan motif batik.

5 Campurkan cat air di atas kertas semasa cat air masih basah.



Tahniah, kamu telah berjaya mewarnakan batik!
Ceritakan pengalaman kamu mewarnakan batik.



6 Buat kemasan.

NOTA GURU

3.1.1
4.1.1

- Sediakan pelbagai lakaran batik dan edarkan kepada murid.
- Bimbing murid membancuh warna dan mewarnakan motif batik.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya masing-masing.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Menilai

Abad ke-21: Patriotik

Tik Tok Tik, Lukis di Udara

Gerakan

Dengar lagu ini. Kemudian, buat gerakan di bawah mengikut detik lagu.

Ikut Saya



sikat rambut




gosok gigi



potong kuku



cuci rambut



Audio 37: Vokal *Dandan Diri* dengan metronom
 Audio 38: Vokal *Dandan Diri*
 Audio 39: Instrumental *Dandan Diri*
 Audio 40: Minus one *Dandan Diri*

Baca lirik lagu *Dandan Diri* sambil bergerak mengikut lirik. Kemudian, nyanyikannya sambil membuat pergerakan.



Dandan Diri

Lagu dan lirik :Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat



Bangun pagi dandanlah diri
 Gosok gigi teruslah mandi
 Guna sabun buangkan daki
 Cuci rambut dan juga kaki
 Kering badan pakailah baju
 Kering rambut sikat rambutmu
 Jika perlu potonglah kuku
 Badan bersih senyum selalu



NOTA GURU

2.2.8

- Galakkan murid membuat persembahan dalam kumpulan.
- Minta murid bernyanyi sambil membuat pergerakan mengikut lirik.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Penyangg, Prihatin



Bermain Alat Perkusi









































Mari kita belajar cara bermain alat perkusi dengan betulnya.



Baca lirik lagu *Ikut Rentak* mengikut detik dalam tempo yang sesuai. Mainkan alat perkusi mengikut tempo.

Audio 41 : Vokal *Ikut Rentak*
 Audio 42: Instrumental *Ikut Rentak*
 Audio 43: Minus one *Ikut Rentak*

Ikut Rentak

1	2	3	4	1	2	3	4
A	yuh	ma	in	i	kut	ren	tak
cing	cing	cing	cing	tak	tak	tak	tak
							
cing	cing	cing	cing	tak	tak	tak	tak
							
tik	tok	tik	tok	tik	tok	tik	tok
							
cing	cing	cing	cing	tik	tok	tik	tok
							
tik	tok	tik	tok	tak	tak	tak	tak
							
Per	mai	nan	sung	guh	he	bat	

NOTA GURU

2.2.4
2.2.7

- Galakkan murid meneroka cara bermain alat perkusi terlebih dahulu sebelum menerangkan cara bermain yang betul.
- Bimbing murid memainkan alat perkusi berdasarkan skor ikon lagu *Ikut Rentak*.
- Kemudian, mainkan alat perkusi mengikut tempo secara berkumpulan sambil menyebut lirik lagu.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Sepasukan

Lukisan

Audio 44: Latihan 1
Audio 45: Latihan 2
Audio 46: Latihan 3

Dengar Audio 44 hingga 46
sambil melukis di udara.



Mari lukis semua garisan
yang telah kamu pelajari.



Cuba kamu camkan jenis
garisan dalam gambar ini.



Garisan akan menghasilkan rupa dan
bentuk sehingga menjadi gambar.

Mari melukis.



Ada banyak bahan yang boleh digunakan untuk melukis. Bahan ini dinamakan media kering.





krayon




pensel



oil pastel



pensel warna



pen penanda



pen



NOTA GURU

1.1.1 (ii)
2.1.1 (ii)

- Bincangkan bahasa seni visual lain yang ada pada lukisan dengan murid.
- Minta murid menghasilkan lukisan menggunakan pelbagai media kering.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Menganalisis

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu



Kawanku

Bolehkah kamu melukis wajah rakan kamu?


Alat dan
Bahan



Buat lakaran bujur secara berulang-ulang.

1

Gelapkan rupa bujur yang dikehendaki dan padam garisan lain.



2



Buat garisan lengkung pada mata, hidung, telinga, dan mulut.

3

Bentukkan mata, hidung, telinga, dan mulut.



4



5


Lukis rambut.

7

Warnakan dan buat kemas.

Lukis bahagian lain.

6



Ceritakan cara kamu melukis rupa rakan kamu.



NOTA GURU

- Bimbing murid membuat apresiasi karya.
- Pelbagaikan media kering dalam aktiviti.
- Bimbing murid melukis mata, telinga, hidung, dan mulut megikut kadar banding yang betul.
- Galakkan murid mewarnakan lukisan masing-masing.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Menilai

Abad ke-21: Berprinsip



Satu, Dua, Tiga, Dayung!

Audio 47: Vokal *Badan
Sihat Otak Cerdas*
Audio 48: Instrumental *Badan
Sihat Otak Cerdas*
Audio 49: Minus one *Badan
Sihat Otak Cerdas*

Gerakan - Ikut Detik Lagu

Nyanyikan lagu *Badan Sihat Otak Cerdas* bersama-sama.

Badan Sihat Otak Cerdas

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Satu dua tiga empat tarik nafas
Satu dua tiga empat tarik nafas

Jalan jalan jalan jalan dan berjalan
Jalan jalan jalan jalan dan berjalan

Satu dua tiga empat tarik nafas
Satu dua tiga empat tarik nafas

Lompat lompat lompat lompat dan melompat
Lompat lompat lompat lompat dan melompat

Satu dua tiga empat tarik nafas
Badan sihat otak cerdas rajin amal



Cuba kamu buat pergerakan mengikut detik sambil menyanyikan lagu *Badan Sihat Otak Cerdas*.

1 Satu dua tiga empat

2 Tarik nafas

3 Jalan jalan jalan jalan dan berjalan

4 Lompat lompat lompat dan melompat

5 Badan sihat

6 Otak cerdas

7 Rajin amal

NOTA GURU


2.2.9

- Tetapkan tempo yang sesuai supaya murid dapat bergerak mengikut detik.
- Galakkan murid mempelbagaikan pergerakan yang sesuai mengikut detik lagu *Badan Sihat Otak Cerdas*.

EMK: Nilai Murni

: Mengaplikasi


Abad ke-21: Keyakinan Diri




Audio 50: Vokal *Dayung Sampan*
 Audio 51: Instrumental *Dayung Sampan*
 Audio 52: Instrumental *Dayung Sampan*
 dengan metronom

Bermain Alat Perkusi - Detik Lagu


Dengar Audio 50. Gunakan perkusi badan untuk merasai detik. Kemudian, mainkan kastanet sambil mengira satu, dua, tiga, empat.



Ulang aktiviti ini. Berikan tekanan kuat pada detik satu.



Ulang aktiviti ini. Berikan tekanan kuat pada detik satu dan tiga.



Dayung Sampan

Adaptasi daripada lagu rakyat *Dayung Sampan* (Hak Cipta Terpelihara)
 Lirik : Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Dayung sampan
 Dayung dayung sampan
 Dayung bersama kawan-kawan
 Bersuka ria
 Ayuh kawan kita berpasukan
 Dayung mendayung sambil kita
 Nyanyi sama-sama
 Dayung dayung dayung dayung dayung



Sekarang, mari kita nyanyikan lagu *Dayung Sampan* sambil menepuk detik lagu. Berikan tekanan pada detik satu dan tiga.

Da	—	yung	sam	pan	—	—	Da
yung	Da	yung	sam	pan	—	—	—
Da	yung	ber	sa	ma	ka	wan	ka
wan	—	—	ber	su	—	ka	ri
a	—	—	—	A	—	yuh	ka
wan	—	—	Ki	ta	ber	pa	su
kan	—	—	—	Da	yung	men	da
yung	sam	bil	ki	ta	—	—	Nya
nyi	sa	ma	sa	ma	—	—	Da
yung	—	—	da	yung	—	—	Da
yung	da	yung	da	yung	—	—	—

NOTA GURU

- Minta murid membaca lirik lagu *Dayung Sampan* sambil menepuk detik lagu terlebih dahulu.
- Galakkan murid menggunakan alat perkusi lain yang bersesuaian untuk menggantikan kastanet.

2.2.5

EMK: Kreativiti dan Inovasi




: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Berpasukan

43


Arca Mobail




Arca mobail ini digantung dan boleh bergerak-gerak.

Ya, arca mobail perlu seimbang.

Cikgu, adakah arca mobail perlu seimbang?




Jarak antara bahan gantungan ini dipanggil ruang.



Arca mobail boleh dihasilkan daripada bermacam-macam jenis bahan gantungan. Kertas ialah salah satu bahan gantungan yang boleh digunakan untuk membuat arca mobail.

Kamu boleh mencantumkan, melukis, menggunting, dan membuat origami daripada kertas.



NOTA GURU

1.1.3 (ii)
2.1.3 (ii)

- Bincangkan bahasa seni visual yang terdapat pada arca mobail dengan murid.
- Bimbing murid meneroka bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan bahan gantungan seperti matahari, awan, pelangi, dan bintang.
- Bincangkan bahan lain yang boleh dijadikan bahan gantungan dengan murid.

EMK: Kreativiti dan Inovasi




: Mengaplikasi, Menganalisis

Abad ke-21: Pemikir













Sampan Kecil

A. Membuat Sampan dengan Teknik Origami



Bahan




B. Membina Arca Mobail

Alat dan Bahan



benang



pita pelekat




ranting kayu



gunting



1
Lekatkan benang pada bahan gantungan.



2
Ikat benang pada kayu.



3
Susun hasil karya mengikut kreativiti. Pastikan arca mobail seimbang.



Kamu telah berjaya menghasilkan arca mobail. Gantungkan arca itu di dalam kelas kamu.

NOTA GURU

3.1.1
4.1.1

- Bimbing murid menghasilkan pelbagai bahan gantungan yang lain.
- Murid boleh menggunakan bahan gantungan yang telah dihasilkan pada halaman 46.
- Bimbing murid menghasilkan arca mobail yang seimbang.
- Aktiviti ini boleh dijalankan secara individu atau berkumpulan.
- Bimbing murid membuat apresiasi terhadap karya mereka.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mencipta

Abad ke-21: Berdaya Tahan

Projek Kesenian Penggal Dua

Pada akhir penggal kedua nanti, kamu akan mengadakan persembahan muzikal berdasarkan Audio 53. Rancang persembahan ini bersama-sama dengan guru dan rakan-rakan. Wah, pasti menyeronokkan!







UNIT 7

Detektif Jalinan Menyiasat

Audio 54: Vokal *a,e,i,o,u*
 Audio 55: Sebutan berirama *a,e,i,o,u*
 Audio 56: Instrumental *a,e,i,o,u*
 Audio 57: Minus one *a,e,i,o,u*

Nyanyian - Sebutan yang Betul

Mari dengar lagu *a, e, i, o, u*. Nyanyikannya secara bersenandung. Kemudian, nyanyikan lagu ini dengan sebutan yang betul.

a, e, i, o, u

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

a, e, i, o, u itu bunyi suaraku
a, e, i, o, u kita sebut selalu
a, a, a ayam *a, e, i, o, u*
e, e, e emu *a, e, i, o, u*
i, i, i ikan *a, e, i, o, u*
o obor-obor *a, e, i, o, u*
u, u, u ular *a, e, i, o, u*



Emu ialah burung besar yang tidak boleh terbang.
 Emu hanya terdapat di Australia.

Latihan 1

Nyanyikan keseluruhan lagu *a, e, i, o, u*.

Latihan 2

Sebut suku kata awalan bagi setiap gambar ini secara berulang-ulang.



Latihan 3

Sebut irama ini dengan betul.



NOTA GURU

- Bimbing murid menyebut irama dalam Latihan 3 berpandukan Audio 55.
- Galakkan murid memberikan contoh-contoh objek atau haiwan dengan suku kata awalan *a, e, i, o, u*.

EMK: Bahasa

 : Mengaplikasi

Abad ke-21: Bermaklumat




Audio 58: Instrumental pic mendatar
 Audio 59: Instrumental pic menaik
 Audio 60: Instrumental pic menurun


Nyanyian - Pic yang Betul

Dengar bunyi pic mendatar, menaik dan menurun.
 Ajuk dengan suku kata **la**, **li**, dan **lu** sambil melakukan gerakan seperti gambar.

Pic Mendatar



Pic Menaik



Pic Menurun



lu



lu



lu



lu



lu

Dengar lagu *a, e, i, o, u* dan senandungkannya.
Kemudian, nyanyikan lagu dengan pic yang betul.



a, e, i, o, u

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

a, e, i, o, u itu bunyi suaraku
a, e, i, o, u kita sebut selalu
a, a, a ayam *a, e, i, o, u*
e, e, e emu *a, e, i, o, u*
i, i, i ikan *a, e, i, o, u*
o obor-obor *a, e, i, o, u*
u, u, u ular *a, e, i, o, u*



NOTA GURU

2.2.2

- Bimbing murid menyanyikan pic mendatar, pic menaik, dan pic menurun dengan melakukan pergerakan mendatar, menaik, dan menurun.
- Gunakan Audio 54, 56 dan 57 untuk latihan nyanyian.

EMK: Bahasa

 : Mengaplikasi


Abad ke-21: Pemikir

Gosokan


Cuba gosok tangan kamu pada benda lain di sekeliling kamu. Apakah yang kamu rasa?

Permukaan kasar, cikgu.


Yang kamu rasa itu ialah jalinan.



Karya ini ialah kesan gosokan pada permukaan berjalinan.



Mari kita cari jalinan di sekeliling kita. Jangan lupa bawa kertas dan pensel.



NOTA GURU

1.1.1 (iv)
2.1.1 (iv)

- Bincangkan bahasa seni visual lain yang terdapat dalam karya dengan murid.
- Bimbing murid memilih bahan menghasilkan kesan jalinan.
- Terangkan kepelbagaian jalinan kepada murid.
- Untuk aktiviti ini, bahagikan murid kepada kumpulan. Minta murid membuat aktiviti gosokan di luar kelas. Kumpulan yang mendapat jalinan terbanyak dikira sebagai pemenang.

EMK: Kreativiti dan Inovasi 🧠 : Mengaplikasi, Menganalisis Abad ke-21 : Bersifat Ingin Tahu



Ayam Kampung

Mari lorek lukisan ini pada permukaan berjalinan.
Lihat hasilnya.



1 Gelapkan lakaran yang diberikan dengan pensel.



2 Lorekkan lakaran yang diberikan dengan pensel warna.



Tahniah, kamu telah berjaya! Lihat hasil karya yang telah kamu buat. Pamerkan karya di dalam kelas.

Alat dan Bahan



kertas lukisan



pensel



pensel warna



3 Ulang langkah 2 pada permukaan yang berbeza.



Pilih permukaan jalinan yang tidak berbahaya seperti permukaan yang tajam.

NOTA GURU

3.1.1
4.1.1

- Pantau aktiviti murid ketika di luar kelas.
- Sediakan juga beberapa pilihan lakaran lukisan yang lain.
- Bimbing murid membuat aktiviti gosokan pada pelbagai permukaan.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar



: Menganalisis

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu



UNIT 8

Lari Sang Tikus, Lari!

Audio 61: Vokal *Tikus dan Helang*
 Audio 62: Instrumental *Tikus dan Helang*
 Audio 63: Minus one *Tikus dan Helang*


Nyanyian - Ikut Tempo

Dengar lagu *Tikus dan Helang*.
 Mari bernyanyi mengikut tempo.

Tikus dan Helang

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Lima ekor tikus main di bendang
 Datang burung helang mencari makan
 Satu ekor tikus disambar helang
 Tinggal berapa tikus main di bendang
 (Kini semua tikus dimakan helang)
 (ulang 5 kali)



Dengar sekali lagi lagu *Tikus dan Helang* sambil ajuk secara bersenandung.

Hmm...

Hmm...

Hmm...



Nyanyikan lagu *Tikus dan Helang* dengan tempo yang betul sambil bertepuk tangan mengikut detik.

Audio 64: Vokal *Tikus dan Helang* (rentak mac)
Audio 65: Instrumental *Tikus dan Helang* (rentak mac)



Mari main permainan ini sambil bernyanyi mengikut tempo.

Lima ekor tikus main di bendang...



Tinggal berapa tikus main di bendang?



NOTA GURU

2.2.3


- Bimbing murid melakukan aktiviti bersenandung mengikut tempo.
- Bimbing murid bernyanyi sambil mengira bilangan tikus yang tinggal setelah disambar helang.
- Main permainan di atas seperti Jan Jan Jala. Dalam satu kumpulan, ada lima pemain sebagai “tikus” dan dua pemain yang memegang gelung sebagai “helang”.
- Pastikan murid bernyanyi mengikut tempo lagu dalam Audio 62 dengan betul.

EMK: Nilai Murni



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Sepasukan



Gerakan - Ikut Tempo

Dengar lagu *Tikus dan Helang*.

Tikus dan Helang

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Lima ekor tikus main di bendang
Datang burung helang mencari makan
Satu ekor tikus disambar helang
Tinggal berapa tikus main di bendang
(Kini semua tikus dimakan helang)
(ulang 5 kali)

Nyanyikan lagu ini sambil berkawad mengikut tempo lagu.



Ayuh kita bermain Permainan Tikus dan Helang dengan mengikut tempo lagu *Tikus dan Helang*.



Permainan Tikus dan Helang

1. Bentukkan kumpulan dengan enam orang pemain. Seorang murid menjadi helang dan lima orang murid lagi menjadi tikus.
2. Dalam kumpulan, lima orang murid berkawad mengikut tempo sambil bernyanyi.
3. Apabila selesai satu rangkap lagu, helang datang untuk menangkap tikus dan tikus lari menyelamatkan diri.
4. Apabila seekor tikus sudah ditangkap, baki tikus yang masih selamat masuk ke dalam bulatan semula. Ulang nyanyian. Lakukan langkah 2 hingga 4 sehingga semua tikus ditangkap.

NOTA GURU

2.2.10

- Bimbing murid dalam permainan Tikus dan Helang sambil bergerak mengikut tempo.
- Gunakan Audio 61 untuk aktiviti pada halaman 58 dan Audio 62 untuk permainan di atas.
- Lakukan aktiviti ini di tempat yang lapang. Terapkan nilai berdisiplin ketika bermain.
- Guru boleh menggunakan wisel untuk mengawal murid.

EMK: Nilai Murni




: Mengaplikasi

Abad ke-21: Berdaya Tahan

Tiupan

Apakah yang dapat kamu lihat pada karya teknik tiupan ini?



Cara Meniup




perlahan



kuat

Cuba kamu tiup dengan kuat dan lembut dengan menggunakan penyedut minuman seperti dalam gambar.



Apakah perbezaan hasil yang dapat kamu lihat?



Titiskan cat air pada kertas. Tiup dari arah atas dan arah sisi dengan menggunakan penyedut minuman. Lihat hasil tiupan. Apakah perbedaannya?



Hasil tiupan arah sisi.



Hasil tiupan arah atas.



NOTA GURU



1.1.2 (ii)
2.1.2 (ii)


- Bincangkan bahasa seni visual lain yang terdapat pada hasil tiupan dengan murid.
- Terangkan ritma dan pergerakan dalam karya yang dihasilkan kepada murid.
- Bimbing murid meneroka cara menghasilkan tiupan. Bersoal jawab dengan murid tentang kesan tiupan tersebut.
- Hasil penerokaan boleh digunakan pada halaman 64 dan 65.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mengaplikasi, Menganalisis

Abad ke-21: Bersifat Ingin Tahu



Topi Sang Tikus

A. Membuat Corak Tiupan

Alat dan Bahan



berus



palet



kertas lukisan



penyedut minuman



cat air



1

Bancuh cat air.



2

Titis cat air.



Hasil tiupan.

5



3

Tiup warna.



4

Ulang langkah 2 dan 3 dengan warna lain.

B. Membuat Topi Sang Tikus



tali



bebola
bulu



pita
lekat



kertas
lukisan



hasil corak
tiupan



gunting



krayon



1

Cantumkan hasil corak tiupan untuk membentuk kon.




2

Lukis dan warnakan mata serta telinga tikus. Guntingkan.



3

Tampilkan mata, hidung, dan telinga tikus.



4

Lepaskan tali di kiri dan di kanan topi.



Ceritakan topi Sang Tikus yang kamu hasilkan.

NOTA GURU

- Galakkan murid menghasilkan topi helang.
- Murid boleh menggunakan hasil penerokaan pada halaman 63.
- Bimbing murid membuat apresiasi tentang karya masing-masing.

EMK: Keusahawanan

 : Mencipta

Abad ke-21: Mahir Berkomunikasi



UNIT 9

Serupa Tapi Tidak Sama



Audio 66: Vokal *Suasana Hutan*
Audio 67: Instrumental *Suasana Hutan*
Audio 68: Minus one *Suasana Hutan*

Menghasilkan Pelbagai Bunyi

Dengar lagu *Suasana Hutan*. Senandungkannya.


Suasana Hutan

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Di dalam hutan belantara
Burung belatuk membuat rumah
Tok tok tok burung bertukang
Bekerja pagi sehingga petang

Ikan di sungai berenang-renang
Katak di pinggir mencari makan
Krok krok krok katak berbunyi
Menunggu kumbang leka menari

Di celah rimbunan daun hutan
Cengkerik hidup berkawan-kawan
Krik krik krik terasa tenang
Suasana hutan sungguhlah nyaman



Nyanyikan lagu *Suasana Hutan* sambil melakonkan watak haiwan di dalam lirik lagu.



Teroka bunyi dengan menggunakan botol air dan pensel mengikut lirik lagu di bawah.

Tok tok tok burung bertukang



Krok krok krok katak berbunyi



Krik krik krik terasa tenang



Nyanyikan lagu *Suasana Hutan* dan gunakan bahan-bahan di bawah untuk menggantikan bunyi tok, tok, tok, krok, krok, krok, krik, krik, krik dalam lagu.




NOTA GURU

- Galakkan murid menjana idea untuk menghasilkan pelbagai bunyi daripada bahan-bahan yang lain.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

 : Menilai

Abad ke-21: Bermaklumat



Audio 69: Corak irama melodi alat perkusi

Memainkan Alat Perkusi Mengikuti Corak Irama Melodi

Dengar lagu *Suasana Hutan*. Kemudian, nyanyikannya bersama-sama.



Nyanyikan lagu *Suasana Hutan* sambil menepuk irama melodi pada bahagian-bahagian ini:

Tok tok tok burung bertukang

Krok krok krok katak berbunyi

Krik krik krik terasa tenang



Berlatih menepuk irama melodi lagu *Suasana Hutan* rangkap demi rangkap. Kemudian, mainkan rangkap tersebut mengikut irama melodi dengan menggunakan alat perkusi.

Suasana Hutan

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat



kayu tik tok

Di dalam hutan belantara
Burung belatuk membuat rumah
Tok tok tok burung bertukang
Bekerja pagi sehingga petang



kastanet

Ikan di sungai berenang-renang
Katak di pinggir mencari makan
Krok krok krok katak berbunyi
Menunggu kumbang leka menari



loceng

Di celah rimbunan daun hutan
Cengkerik hidup berkawan-kawan
Krik krik krik terasa tenang
Suasana hutan sungguhlah nyaman

NOTA GURU

2.2.6

- Gunakan Audio 69 untuk aktiviti memainkan alat perkusi mengikut corak irama melodi.
- Bimbing murid menepuk corak irama melodi rangkap demi rangkap dengan tempo lambat agar murid mudah faham.
- Bimbing murid memainkan alat perkusi mengikut kumpulan agar murid lebih berkeyakinan.

EMK: Sains dan Teknologi Maklumat



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Pemikir

Model

Model boleh dilihat dan disentuh.
Bentuk pada model disebut bentuk konkrit.


Oh, model serupa seperti
bentuk yang sebenar tetapi
saiznya lebih kecil.



Kapal terbang ini ada sayap
yang serupa dan seimbang.



Cikgu, bagaimanakah kita membuat model?



Kita boleh mencantumkan bahan kutipan seperti kotak, botol minuman, penutup botol, dan bahan lain yang sesuai untuk membuat model.



NOTA GURU

1.1.3 (iii)
2.1.3 (iii)


- Bincangkan bahasa seni visual yang ada pada model dengan murid.
- Bimbing murid meneroka pelbagai teknik untuk menghasilkan model.

EMK: Kelestarian Alam Sekitar



: Mengaplikasi


Abad ke-21: Bermaklumat



Rumah Burung

Mari bina rumah burung bersama-sama.


Alat dan Bahan



kotak tisu



kertas warna



kertas bergelugur




kertas keras




gunting



pita pelekat




kotak tisu




2

Buat lubang pada bahagian A.



1


Balut kertas warna pada bahagian A.



3

Balut bahagian B dengan kertas warna.






4

Tambahkan hiasan pada kotak tisu.



5

Bentukkan bumbung dan lekatkan pada kotak.



6

Lekatkan kertas keras pada bahagian bawah sebagai tapak.



Kamu juga boleh menggunakan rumah burung ini sebagai tabung. Ceritakan pengalaman kamu membuat rumah burung.

Model rumah burung.



NOTA GURU

3.1.1
4.1.1

- Galakkan murid menggunakan bahan kutipan lain untuk membuat aktiviti ini.
- Bimbing murid membuat apresiasi tentang karya.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mencipta

Abad ke-21: Penyangg, Prihatin

Audio 70: Vokal *Irama Sang Kancil*
 Audio 71: Vokal *Irama Sang Kancil*
 (tempo lambat)
 Audio 72: Muzik iringan
Irama Sang Kancil
 Audio 73: Muzik iringan
Irama Sang Kancil
 (tempo lambat)

Mencipta Corak Irama

Mari dengar audio *Irama Sang Kancil* bersama-sama.



Irama Sang Kancil

Irama dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Sang Kancil seru buaya
 Barislah aku kira
 Sambil ketuk sebut **ta**
 Sambil rehat sebut **sa**

Latihan 1

Sebut suku kata dan sentuh setiap bulatan di bawah.

Sang	Kan	cil	se	ru	bua	ya	_
Ba	ris	lah	a	ku	ki	ra	_
Sam	bil	ke	tuk	se	but	'ta'	_
Sam	bil	re	hat	se	but	'sa'	_

Latihan 2

Sebut suku kata dengan kuat dan senyap pada bulatan yang kosong.

Sang	Kan	—	se	—	bua	ya	—
Ba	—	lah	a	ku	—	ra	—
Sam	—	ke	tuk	—	but	'ta'	—
Sam	bil	re	—	se	—	'sa'	—


Latihan 3




Cuba kamu bina irama dengan menutup suku kata pilihan kamu. Kemudian, sebut irama tersebut.

Sang	Kan	cil	se	ru	bua	ya	—
Ba	ris	lah	a	ku	ki	ra	—
Sam	bil	ke	tuk	se	but	'ta'	—
Sam	bil	re	hat	se	but	'sa'	—

NOTA GURU

- Bimbing murid menyebut suku kata *Irama Sang Kancil* berpandukan bulatan dalam Latihan 1.
 - Suku kata yang terakhir sebelum tanda — disebut sepanjang dua detik.
 - Bimbing murid menyebut suku kata dengan kuat dan senyap pada bulatan yang bertanda (—) dalam Latihan 2 dengan tempo lambat.
 - Bimbing murid membina irama dengan menutup suku kata *Irama Sang Kancil* dalam Latihan 3.
- EMK: Kreativiti dan Inovasi  Mencipta Abad ke-21: Berdaya Tahan



Audio 74: Iringan tepuk detik

Memainkan Alat Perkusi

Mari kita sebut suku kata *Irama Sang Kancil* mengikut irama.

Sang 1	Kan 2	cil 3	se 4	ru 1	bua 2	ya 3	— 4
Ba 1	ris 2	lah 3	a 4	ku 1	ki 2	ra 3	— 4
Sam 1	bil 2	ke 3	tuk 4	se 1	but 2	'ta' 3	— 4
Sam 1	bil 2	re 3	hat 4	se 1	but 2	'sa' 3	— 4

Latihan 1

Sebut suku kata sambil menepuk tangan.

1 	2 	3 	4 	1 	2 	3 	4
1 	2 	3 	4 	1 	2 	3 	4
1 	2 	3 	4 	1 	2 	3 	4
1 	2 	3 	4 	1 	2 	3 	4




Latihan 2

Buat latihan irama di bawah. Mulakan dengan menepuk tangan. Kemudian, tukarkan dengan bermain alat perkusi.

Audio 75: Iringan kastanet
Audio 76: Iringan loceng
Audio 77: Iringan kerencing




I = tepuk
Z = senyap

	1 I ta	2 I ta	3 I ta	4 I ta
	I ta	I ta	I ta	Z sa
	Z sa	Z sa	Z sa	I ta

Latihan 3



Mainkan alat perkusi mengikut kumpulan bagi mengiringi *Irama Sang Kancil*.

	1	2	3	4	1	2	3	4
	Sang	Kan	cil	se	ru	bua	ya	_
Kumpulan 1								
Kumpulan 2				Z				Z
Kumpulan 3	Z	Z	Z		Z	Z	Z	

NOTA GURU

2.2.7

- Gunakan Audio 70 untuk membuat aktiviti sebutan *Irama Sang Kancil*.
- Bimbing murid menyebut suku kata lagu *Irama Sang Kancil* sambil bertepuk tangan mengikut detik.
- Bimbing murid memainkan alat perkusi mengikut kumpulan sebelum menggabungkan semua alat dalam permainan ensembel.
- Pastikan murid mendengar Audio 75, 76, dan 77 dengan teliti bagi melakukan Latihan 3.

EMK: Nilai Murni



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Kerja Sepasukan



Renjisan dan Percikan

Ini karya teknik renjisan dan percikan.
Karya ini terhasil daripada titik-titik warna.



ruang hadapan



ruang belakang



kontra



Mari kita buat teknik renjisan dan percikan. Apakah media yang boleh digunakan?


Berus.



Letakkan stensil. Percik warna dengan menggunakan berus gigi. Kesan percikan adalah halus.



Renjis warna dengan menggunakan berus lukisan. Kesan renjisan adalah kasar.



1.1.1 (iii)
2.1.1 (iii)


NOTA GURU

- Bincangkan bahasa seni visual lain yang ada dalam karya dengan murid.
- Terangkan perbezaan antara teknik renjisan dengan percikan kepada murid.
- Bimbing murid meneroka kesan teknik renjisan dan percikan.

EMK: Kreativiti dan Inovasi

: Menganalisis

Abad ke-21: Pemikir



Bijak Sang Kancil

Mari hasilkan rupa Sang Kancil dan Buaya dengan renjisan dan percikan.

Alat dan Bahan



Bancuh warna.

1



Letakkan stensil buaya dan tutup kertas pada kawasan yang sesuai. Buat percikan.

3

Percik cat air pada keseluruhan kertas.



2

Ulang langkah 3 dengan stensil kancil. Gunakan warna yang berbeza.



4



kertas lukisan



cat air



palet



berus gigi



stensil



berus lukisan



Ulang langkah 4 dengan teknik renjisan.

5

Keringkan karya dan bingkaikan.



Pamerkan hasil karya kamu. Ceritakan.

6

7

Berhati-hati semasa membuat aktiviti percikan dan renjisan supaya cat air tidak terpercik ke dalam mata dan terkena pakaian.

NOTA GURU

- Bantu murid membuat renjisan dan percikan.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya.
- Bimbing murid membuat apresiasi berdasarkan hasil karya.

3.1.1
4.1.1

EMK: Kreativiti dan inovasi



: Mengaplikasi

Abad ke-21: Berprinsip



UNIT 11

Hias Diri, Ikut Menari

Audio 78: *Wau Bulan* (Hak Cipta Terpelihara)
Audio 79: *Seri Mersing* (Hak Cipta Terpelihara)

Muzik Tradisional Malaysia

Dengar lagu *Wau Bulan* dan bincangkan.


negeri
Kelantan



wau



wayang
kulit



Dengar lagu *Seri Mersing* dan bincangkan.



baju Melayu
teluk belanga

negeri
Johor



pemain muzik
ghazal

penari
kuda kepang




NOTA GURU

4.2.1

- Galakkan murid berkongsi idea melalui pengalaman mereka sendiri.

EMK: Patriotisme

 : Menganalisis

Abad ke-21: Mahir Berkomunikasi

Alat Perhiasan Diri

Wah, ada banyak jenis alat perhiasan diri tradisional yang cantik di Galeri Kraf! Teliti alat perhiasan yang dapat kamu lihat.





tempok kepala



cincin




pending



dokoh




sugu tinggi



kerongsang



rantai



cucuk sanggul



rantai tangan

NOTA GURU

1.1.4 (ii)
2.1.4 (ii)

- Bincangkan bahasa seni visual lain yang terdapat pada alat perhiasan diri dengan murid.
- Ceritakan alat perhiasan lain yang terdapat dalam gambar pada halaman 84 kepada murid.
- Guru boleh menyediakan pelbagai bahan lain yang boleh digunakan untuk membuat alat perhiasan diri.
- Bimbing murid membuat mahkota daripada kertas mengikut kreativiti.


EMK: Kreativiti dan Inovasi




: Menganalisis

Abad ke-21: Patriotisme

Tahukah kamu, alat perhiasan diri boleh diperbuat daripada bahan gantian. Teliti gambar di bawah.



cucuk sanggul



sisir




mahkota




rantai

Mari padankan alat perhiasan diri dengan bahan gantian.



manik



kain felt



dawai bulu

alat perhiasan diri

bahan gantian

NOTA GURU

1.1.4 (ii)
2.1.4 (ii)

- Bincangkan bahasa seni visual lain yang terdapat pada alat perhiasan diri dengan murid.
- Ceritakan alat perhiasan lain yang terdapat dalam gambar di halaman 84 dan 85.
- Sediakan pelbagai bahan gantian yang boleh digunakan untuk membuat alat perhiasan diri.
- Bersoal jawab dengan murid tentang bahan gantian yang sesuai digunakan.
- Bimbing murid menghasilkan alat perhiasan diri mengikut kreativiti.

EMK: Kreativiti dan Inovasi




: Menganalisis

Abad ke-21: Patriotik

Dokoh

Dokoh ialah alat perhiasan yang dipakai ketika majlis keraian. Mari kita buat dokoh bersama-sama.

Alat dan Bahan



manik



tali



pita
pekat



gam




pinggan
kertas



gunting




krayon




1
Guntingkan pinggan kertas kepada dua bahagian.



2
Warnakan pinggan kertas.



3
Tampalkan manik.



4
Cantumkan dan lekatkan tali pada kedua-dua bulatan.



Hasil karya.

NOTA GURU

3.1.1
4.1.1

- Bimbing murid membuat dokoh.
- Bimbing murid melakukan kemasan pada dokoh.
- Galakkan murid menggunakan bahan gantian yang lain.
- Bimbing murid membuat apresiasi karya masing-masing.

EMK: Kreativiti dan Inovasi



: Mencipta

Abad ke-21: Patriotik

Muzik Tradisional Malaysia

Dengar lagu *Lenggang Inang* beberapa kali dan cuba nyanyikan lagu tersebut.

Audio 80 : Vokal *Lenggang Inang*
Audio 81 : Instrumental
Lenggang Inang
Audio 82 : Minus one
Lenggang Inang

Lenggang Inang

Lagu dan lirik: Zaiton Mohamad dan Lee Chai Huat

Lenggang kanan lenggang kiri
Sambil bernyanyi
Lenggok kanan lenggok kiri tarian asli
Renjis renjis lemah lembut jari-jemari
Sopan santun budaya kekal abadi

Tarian inang
ialah tarian
masyarakat
Melayu.

Tarian inang dipersembahkan
dalam majlis perkahwinan
dan majlis rasmi.

NOTA GURU

2.2.9
4.2.1

- Bimbing murid melakukan tarian mengikut rentak inang secara berkumpulan atau kelas.
- Lakukan pergerakan: jalan berlenggang, lenggok ke kanan, lenggok ke kiri, dan merenjis.
- Terapkan nilai menghargai budaya seperti bersopan santun, lemah-lembut, dan hormat-menghormati.



Glosari Seni Muzik

audio	berkaitan dengan bunyi dan pendengaran.
bersenandung	menghasilkan melodi atau bunyi yang berterusan, lazimnya dengan merapatkan bibir atas dan bawah.
detik	bunyi yang berterusan secara berkala.
dinamik	perubahan bunyi sama ada kuat atau lembut dalam persembahan muzik.
ensembel	gabungan pemuzik instrumental dan atau kumpulan vokal.
instrumental	iringan muzik yang dimainkan bersama-sama dengan melodi lagu.
irama	pergerakan bunyi muzikal yang terhasil daripada gabungan bunyi panjang dan pendek.
lirik lagu	seni kata lagu.
melodi	melodi ialah susunan pic secara melintang dan berkontur.
mobail, mobil	arca yang mengandungi bentuk yang pelbagai, yang digantung dan akan bergoyang atau bergerak apabila disentuh atau ditiup angin.
perkusi	alat muzik genderang yang dipalu, diketuk atau digoncang untuk menghasilkan bunyi.
pic	bunyi tinggi, rendah, dan sederhana.
tempo	kelajuan sesuatu karya muzik. Contohnya, tempo cepat, lambat, dan sederhana.
warna ton	kualiti sesuatu bunyi. Contohnya, warna ton suara lelaki – garau, kasar, keras; warna ton suara perempuan – lembut, halus.



Glosari Seni Visual

boneka	sebarang benda atau objek berwatak yang digerakkan atau dilakukan oleh pemain bertujuan untuk menyampaikan mesej.
garisan	sambungan antara dua titik atau lebih.
gosokan	proses menggosok dan merekod jalinan dengan menggunakan media kering pada kertas di atas permukaan yang berjalinan.
harmoni	hasil ulangan unsur seni yang sesuai dan seimbang.
ikatan dan celupan	teknik menghasilkan corak dengan menggunakan ikatan untuk memisahkan warna.
imbangan	wujudnya kesamaan dan kesepadanan dari segi berat, saiz, dan kedudukan sesuatu objek.
jalinan	kesan yang terdapat pada sesuatu permukaan.
karya	hasil kerja seni.
kepelbagaian	gabungan pelbagai unsur seni dalam sesebuah karya.
kesatuan	penyatuan unsur seni untuk menghasilkan karya berdasarkan tema.
kontra	unsur seni yang bertentangan dalam karya.
penegasan	unsur seni yang menonjol atau berlainan yang wujud secara ketara dalam sesebuah karya.
ritma dan pergerakan	kesan pergerakan yang dapat dilihat dalam sesebuah karya.
rupa	pertemuan dua hujung titik.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Darjah	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL